

Najib: Kita tak akan biar Proton 'tenggelam'

MalaysiaKini.com

3 Februari 2018

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini berjanji beliau tidak akan membiarkan pengeluar kereta nasional, Proton "tenggelam".

"Selama ini terlalu banyak campur tangan politik dalam pentadbiran Proton, kita rasa di bawah (pentadbiran) kita tak akan biarkan Proton tenggelam.

"Kita tak akan biarkan Proton lenyap, tapi Proton perlu sokongan dan bantuan daripada kerajaan untuk dipulihkan," katanya ketika berucap melancarkan Kluster Automotif Nasional @ Proton City di Tanjung Malim, hari ini.

"Dan kerajaan pimpinan saya dan BN akan pulihkan Proton bersama-sama dengan DRB Hicom.

"Sebab itu kalau ada orang kata kita tak tolong Proton, itu adalah pendustaan sama sekali.

"Kita bagi pinjaman murah, kita bagi suntikan modal, kita bagi insentif dan kita bagi syarat bahawa kalau Proton nak maju ke depan, Proton tak ada pilihan melainkan pilih sebuah strategic partner," kata Najib.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Duta China ke Malaysia Bai Tan dan Pengarah Urusan Kumpulan DRB-HICOM Berhad Datuk Seri Syed Faisal Albar.

Sementara itu Bernama melaporkan pelan pembangunan kluster berkenaan melibatkan pembangunan Bandar Belia 1Malaysia; Edu City; hab automotif berteknologi tinggi yang merangkumi teknologi kereta elektrik, teknologi hijau, teknologi Industri 4.0 dan kecerdasan buatan; pemasangan kereta berjenama global dan pengeluaran kereta untuk pasaran eksport.

Najib juga berkata rakan strategik yang dipilih Proton, Geely merupakan syarikat yang paling sesuai untuk memajukan Proton berdasarkan rekod pencapaiannya yang cemerlang.

"Saya yakin keputusan (memilih) Geely itu tepat kerana Geely mengeluarkan kenderaan sebanyak 1.5 juta setahun, memiliki Volvo, mempunyai teknologi tinggi dan sanggup memindahkan teknologi kepada jurutera dan pekerja Proton.

"Teknologi kereta elektrik, mungkin ada kereta terbang selepas ini. Kalau berada di takuk lama, tidak mungkin kita boleh bertahan dalam persaingan yang hebat," katanya.

Perdana Menteri berkata bandar Tanjung Malim bakal menerima limpahan daripada Kluster Automotif Nasional itu dengan mengalami perubahan drastik dalam tempoh lima hingga enam tahun akan datang.

"Saya melihat bandar Tanjung Malim sebuah bandar yang berpotensi. Selama ini, Tanjung Malim agak malap tetapi sekarang berada di persimpangan masa depan yang cukup cerah.

"Sebagai sebuah kerajaan, saya dan menteri besar akan bekerjasama seerat mungkin untuk menjadikan ini bukan impian kosong tetapi realiti," katanya.

Bagaimanapun, katanya kerajaan Barisan Nasional memerlukan sokongan dan mandat rakyat untuk terus memajukan kawasan berkenaan.

Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/410958>